

Latihan tulis ayat Matematik untuk cari bilangan daripada peratus.

1) Hamid mempunyai 120 keping stem. 70% daripada stem itu adalah stem luar negara. Hitung bilangan stem luar negara yang dipunyai Hamid.

2) Jika sejumlah markah ialah 400 mata, berapakah nilai 85% daripada markah itu?

3) Terdapat 2000 murid di dalam sebuah sekolah. 40% daripadanya adalah murid lelaki. Hitung bilangan murid lelaki.

4) Kotak A ada 24 botol air mineral. Kotak B berisi 125% botol air mineral daripada kotak A. Hitung bilangan botol air mineral dalam kotak B.

5) 320% daripada 200 petak kosong telah diwarnakan. Kira berapakah bilangan petak kosong yang telah diwarnakan.

6) Sebuah bank memberi faedah sebanyak 3% bagi setiap RM1000 simpanan. Hitung berapakah nilai faedah itu?

7) Gaji Encik Ahmad ialah RM4000. Pada bulan Januari, Encik Ahmad mendapat kenaikan gaji sebanyak 5%. Hitung berapakah kenaikan gaji Encik Ahmad.

8) Pn. Aufa menyimpan sebanyak RM20 000 dalam sebuah bank. Jika pada tahun itu bank memberi dividen 12%, hitung berapakah nilai wang daripada dividen tersebut yang diterima oleh Pn. Aufa.